



**NOTA PEMBERITAHUAN**

**PELAKSANAAN KADAR FI DAN CAJ**

**DALAM**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

**KEBANGSAAN (FI DAN CAJ) 2006**

**(Pindaan 1)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**Pindaan nota pemberitahuan Pelaksanaan Kadar Fi dan Caj  
dalam  
Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi  
Dan Caj) 2006**

Pindaan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan perkara 2 (a) dan (c) nota pemberitahuan Pelaksanaan Kadar Fi dan Caj dalam Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi Dan Caj) 2006 seperti berikut:


- 2 (a) Mana-mana penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliah sedia ada yang telah ditauliahkan hendaklah membuat permohonan pentauliahan program latihan semula di bawah Akta 652 dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh yang telah ditetapkan iaitu **1 September 2006** tetapi tidak perlu membayar fi berjumlah RM 1,500.00. Pelaksanaan ini tidak terpakai kepada mana-mana penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliah yang telah tamat tempoh pentauliahannya sebelum **31 Disember 2006**.
- 2 (c) Pelatih-pelatih yang telah berdaftar tidak perlu membayar kadar fi baru manakala pelatih-pelatih yang berdaftar pada dan selepas 31 Disember 2006 hendaklah menggunakan kadar fi baru yang mana pendaftaran dan permohonan pengeluaran Sijil berjumlah RM 100.00 sahaja **per tahap bagi setiap calon**.

Sekian terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***'Pekerja Cemerlang Negara Terbilang'***

Saya yang menurut perintah

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, sweeping arch followed by a smaller, more intricate flourish that ends in a period.

**( WAN SEMAN BIN WAN AHMAD )**

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia.